**MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5**

**TAHUN 2025**

---

# BAHASA MELAYU

# KERTAS 2

---

# PERATURAN PEMARKAHAN

Join telegram @exercise_students

**MARKAH PENUH : 100 MARKAH**
**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**
Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada
Soalan 1: 8 markah
Soalan 2: 6 markah
Soalan 3: 11 markah
Soalan 4: 4 markah
Soalan 5: 6 markah

**Perhatian bagi soalan 1**

1 Berikan 1 markah bagi setiap kata bilangan yang betul.
2 Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bilangan tersebut.
3 Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4 Sekiranya beberapa kata bilangan telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5 Kata bilangan salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6 Calon menyalin/meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7 Kata bilangan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8 Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9 Maksud yang tidak jelas, berikan 0 markah.
10 Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

**Soalan 1 - Morfologi** (kata bilangan**)**

(i) **banyak** → Tidak sedikit; dalam jumlah yang besar atau lebih daripada biasa.
(ii) **sesetengah** → Separuh atau sebahagian daripada sesuatu kumpulan.
(iii) **segelintir** → Sebahagian kecil daripada sesuatu kumpulan; sedikit sahaja.
(iv) **semua** → Seluruhnya; tidak ada yang terkecuali.
(v) **setiap** → Satu demi satu dalam kumpulan; masing-masing dalam kumpulan yang sama.

**[Maksimum : 8 markah]**

**Soalan 2 – Sintaksis (jenis-jenis ayat perintah)**

| | |
|---|---|
| i. | **ayat permintaan** – "Luqman, *tolong* ambilkan buku di bilik ibu." |
| ii. | **ayat larangan** – "*jangan* biar lampu terpasang selepas ambil buku itu." |
| iii. | **ayat silaan** – "*Mari* duduk bersama ibu di sini." |
| iv. | **ayat larangan** – *usah* lama sangat. |
| v. | **ayat suruhan** – "*berhati-hati* ketika berada di luar." |
| vi. | **ayat suruhan** – *pastikan* ibu makan ubat dahulu sebelum tidur.” |

**[Maksimum: 6 markah]**

### 3. Penyuntingan

**Bahan 1**

| **Bil.** | **kesalahan** | **-** | **pembetulan** | **Jenis kesalahan** | **markah** |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | pengidap | - | penghidap | ejaan | 1m |
| 2 | Kota Baru | - | Kota Bharu | ejaan | 1m |
| 3 | di dalam | - | di / dalam | bahasa | 1m |
| 4 | mendokumentasikan | | mempromosikan | istilah | 1m |
| 5 | sosial media | - | media sosial | bahasa | 1m |
| 6 | banding | - | berbanding | imbuhan | 1m |
| 7 | hati-hati | - | berhati-hati | imbuhan | 1m |
| 8 | daripada | - | dari | tatabahasa | 1m |
| 9 | membelikan | - | membeli | imbuhan | 1m |

[6 markah]

**Bahan 2**

| **Bil.** | **kesalahan** | **-** | **pembetulan** | **Jenis kesalahan** | **markah** |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | metabolisma | - | metabolisme | ejaan | 1m |
| 2 | penuh | - | kaya | istilah | 1m |
| 3 | kekacang | - | kekacangan | imbuhan | 1m |
| 4 | anti-oksida | - | antioksida | ejaan | 1m |
| 5 | adalah | - | ialah | bahasa | 1m |
| 6 | salmun | - | salmon | ejaan | 1m |

[5 markah]

Join telegram @exercise_students

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

<table>
<tr><td>Deskripsi</td><td>Markah</td></tr>
<tr><td>- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis</td><td>3 - 4</td></tr>
<tr><td>- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis</td><td>3</td></tr>
<tr><td>- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis</td><td rowspan="2">2</td></tr>
<tr><td>- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis</td></tr>
<tr><td>- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis</td><td>1</td></tr>
<tr><td>- Ayat disalin bulat-bulat</td><td>0</td></tr>
<tr><td>- Isi tidak mengikut urutan</td><td>0</td></tr>
</table>

**4. Bahasa Melayu Standard**

Laksamana membahagikan harta itu kepada tiga bahagian, dan Laksamana mengambil sebahagian harta tersebut. Satu bahagian / Sebahagian harta yang diambil Laksamana dibahagikan pula kepada tiga bahagian; sebahagian didermakan kepada semua fakir miskin dan sebahagian lagi diberikan kepada semua pegawai yang tidak mempunyai kuasa dan / serta sebahagian lagi harta diberikan kepada semua orang bawahannya / pengikutnya. Harta itu telah habis, satu pun tidak diambil oleh Laksamana.

Baginda sangat berbangga akan Laksamana; sekiranya tiada Laksamana, sebarang perbincangan tidak dapat diputuskan / tiada keputusan. Lalu negeri Melaka aman sejahtera.

[4 *markah*]

5. **Peribahasa**

| ***Peribahasa dalam petikan (1m)*** | ***Peribahasa hampir sama maksud (1m)*** |
|---|---|
| **ibarat** pelita dalam kegelapan | ✓ ilmu pelita hidup<br>✓ ilmu penyuluh hidup |
| di mana ada kemahuan, di situ ada jalan | ✓ usaha tangga kejayaan<br>✓ hendak seribu daya tak hendak seribu dalih<br>✓ hati hendak semua jadi<br>✓ kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya<br>✓ genggam bara api biar sampai jadi arang<br>✓ berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian |
| **seperti** katak di bawah tempurung | ✓ pendek akal<br>✓ tidak ilmu suluh padam |
| alah bisa tegal biasa | ✓ alah bisa kerana biasa |
| terang hati | ✓ tajam akal<br>✓ otak cair<br>✓ seperti garam jatuh di air |

[maksimum: 6 markah]

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagi kepada:
Soalan 6 **: 13** markah
Soalan 7 **: 12** markah
Soalan 8 **: 10** markah

**Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan pemarkahan soalan pemahaman**

**1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup / ayat gramatis | **2** |
| - Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup / ayat tidak gramatis | **1** |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup | |
| - Jawapan salah | **0** |

**2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup/menyentuh semua bahan / relevan dengan tugasan / ayat gramatis | **3** |
| - Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugasan / ayat *kurang* gramatis | **2** |
| - Isi **tidak** cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis | |
| - Isi **tidak** cukup / tidak menyentuh semua bahan | **1** |
| - Jawapan salah | **0** |

**3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugasan/ayat gramatis | **4** |
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugasan/ayat kurang gramatis | **3** |
| **-** Isi **tidak** cukup (2 isi) / ayat gramatis | |
| **-** Isi **tidak** cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis | **2** |
| **-** Isi **tidak** cukup (1 isi) **/** ayat gramatis | |
| **-** Isi **tidak** cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis | **1** |
| - Jawapan salah | **0** |

**Soalan 6** **Markah**

**(i) kekurangan**

| | | |
|---|---|---|
| P1 | jalan raya | 1 |
| P2 | sistem pengangkutan moden | 1 |
| P3 | bekalan elektrik stabil | 1 |

**[maksimum 2 markah]**
**[Isi cukup : 2 isi]**

**(ii) Cabaran utama**

**Bahan 1**

P1 persaingan global yang semakin sengit
P2 kos pengeluaran yang meningkat

**Bahan 2**

P3 kekurangan inovasi dalam kalangan syarikat kecil dan sederhana.
P4 kekurangan infrastruktur yang efisien

**Bahan 3**

P5 kos bahan mentah semakin naik
P6 teknologi pun cepat berubah

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 4 markah]**
**[Isi cukup : 3 isi]**
(jawapan mesti menyentuh setiap bahan)

**(iii) Sebab-sebab**

P1 menjaga kesihatan masyarakat awam / mengelakkan penyakit
P2 mematuhi undang-undang / peraturan
P3 menjaga imej syarikat / nama baik / reputasi
P4 memelihara keseimbangan ekosistem / melestarikan / menjaga alam sekitar
P5 menarik pelabur asing
P6 meningkatkan daya saing syarikat
**(sebab lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 3 markah]**
**[Isi cukup: 2 isi]**

**(iv) Langkah-langkah**

P1 mengurangkan pembaziran bahan mentah
P2 menggunakan teknologi moden
P3 mencari pembekal alternatif / bekerjasama dengan syarikat lain
P4 meningkatkan produktiviti pekerja
P5 melaksanakan penggunaan tenaga boleh diperbaharui
P6 melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D)
**(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**
**[Isi cukup: 3 isi]**

**Soalan 7**

(i) **maksud mencipta pendirian**

| | |
|---|---|
| mewujudkan / membuat / menghasilkan / mereka pegangan / prinsip / pandangan / dasar | 2 |
| mewujudkan / membuat / menghasilkan / mereka *pendirian* | 1 |
| *mencipta* pegangan / prinsip / pandangan / dasar | 1 |
| mencipta pendirian | 0 |

**[maksimum 2 markah]**
**[Isi cukup : 2 isi]**

(ii) **Sifat-sifat pemimpin**

**Bahan 1**

P1 mempunyai sifat-sifat yang boleh dihormati, yang menarik perhatian dan yang membawa kejayaan.

**Bahan 2**

P2 pemimpin adil / amanah terjaga

P3 pemimpin yang bijak

P4 baik pekerti jujur ikhlas

P5 pemimpin yang cekal

**[maksimum 3 markah]**
**[Isi cukup : 2 isi]**

(iii) **Perkara patut dilakukan oleh pemimpin**

P1 turun padang mengambil tahu masalah rakyat / sentiasa melawat rakyat

P2 menyelesaikan aduan/masalah rakyat dengan segera

P3 menyalurkan bantuan secara adil dan saksama

P4 meningkatkan ekonomi

**(perkara lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 3 markah]**
**[Isi cukup: 2 isi]**

(iv) **Tindakan-tindakan**

P1 memujuk / menegur / menasihat rakan untuk bekerjasama

P2 memberitahu rakan bahawa setiap tugas dinilai sebagai markah kumpulan

P3 berbincang / menyediakan jadual tugas yang sesuai

P4 meminta bantuan guru untuk menasihati rakan berkenaan

**(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum :4 markah]**
**[Isi cukup: 3 isi]**

**Soalan 8**

**(i) Maksud**

P1 Sirih ini membawa maksud sifat merendah diri dan berani

P2 Kapur berwarna putih pula bermaksud hati yang bersih

P3 Gambir dikatakan membawa maksud hati yang cekal

P4 Pinang ini, jika dibelah dua akan nampak empulur yang keputihan yang bermaksud daripada keturunan yang baik-baik, malah suka membuat sesuatu dengan hati yang terbuka dan bersungguh-sungguh.

**[Maksimum : 4 markah]**
**[Isi cukup: 3 isi]**

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)**

**(ii) Soalan novel: 6 markah**

a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.

b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.

c) Beri 1 markah bagi **setiap peristiwa** yang betul (**peristiwa yang berkaitan dengan semangat kerjasama)**

d) Beri 1 markah bagi setiap huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.

e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).

f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh

Baik - 2 markah

Lemah - 1 markah

g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.

h) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum: 6 markah]**

**Cadangan Jawapan:**

**<u>Novel Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin</u>**

1. **Peristiwa Abang Rashid, Danel, datuk dan beberapa orang kampung membawa suami Che Jah yang berjaya ditangkap di belakang pondok dusun ke balai polis.** (JMJ ms: 240-243)

   Huraian: Masyarakat kampung bekerjasama menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

2. **Peristiwa Lili, Geetha dan Danel menyelesaikan konflik antara penduduk kampung berkaitan isu peletakan kubah masjid.**

   Huraian:Peristiwa ini menunjukkan semangat bekerjasama dapat membantu menyelesaikan konflik secara harmoni dalam kehidupan seharian.

3. **Peristiwa Che Jah menceritakan kisah malang dia serta anak-anaknya kepada Kak Mimah dan Nadia, pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.**

   Huraian: Peristiwa ini menunjukkan semangat bekerjasama antara Che Jah dan pihak jabatan kebajikan masyarakat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Che Jah dan keluarganya.

4 **Peristiwa Lili mencadangkan Haziq dan Rafiq dihantar ke pusat pemulihan akhlak dan dipersetujui oleh Kak Mimah pegawai kebajikan masyarakat.**

   Peristiwa ini menunjukkan semangat bekerjasama antara Lili, Kak Mimah serta Che Jah bagi memastikan masa depan Haziq dan Rafiq lebih terjamin.

**<u>Novel Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip</u>**

1 **Peristiwa Dahlia bersepakat dengan adiknya yang lain seperti Melati untuk saling membantu menjaga adik mereka yang masih kecil iaitu Anggerik.**

   Huraian: Peristiwa ini menunjukkan semangat bekerjasama anak-anak Embong untuk menjaga adik semasa kedua-dua ibu bapa mereka dirawat di hospital.

2 **Peristiwa Dahlia memujuk dan membawa ibunya yang mengalami kemurungan dan melarikan diri ke kebun getah untuk dibawa pulang ke rumah.**

   Huraian: Peristiwa ini menunjukkan semangat bekerjasama seorang anak bersama-sama keluarganya untuk memastikan ibunya yang sakit dalam keadaaan selamat.

3 **Peristiwa Embong bersetuju dengan Haji Sulaiman bekerjasama dengan pihak hospital untuk membawa isterinya Saleha mendapatkan rawatan di hospital.**

   Huraian: Peristiwa ini menunjukkan semangat bekerjasama pemimpin dengan pelbagai pihak bagi memastikan kebajikan ahli masyarakat terjaga.

4 **Peristiwa Kavita, Najib dan Siti Wangi bersama-sama menyediakan salinan nota pelajaran kepada Dahlia supaya Dahlia tidak ketinggalan dalam pelajaran.**

   Huraian: Peristiwa ini menunjukkan semangat bekerjasama dalam persahabatan.

5 **Peristiwa orang kampung / seorang anak muda membantu Dahlia mengangkat jenazah Said ke tebing sungai.**

   Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kerjasama masyarakat kampung membantu penduduk yang mengalami kesusahan.

   **Nota:** Terima peristiwa lain jika sesuai

**Soalan 9**

Markah penuh **30** dibahagi kepada:
**a)** Isi - **20 markah**
**b)** Bahasa - **10 markah**

**(a) Isi [20 markah]**

**Nota:**
(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa.**
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang **1 isi** daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
(vi) Jumlah **isi maksimum** yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah **8 isi** sahaja.

| **Bahagian** | **Bilangan Isi** | **Bilangan Isi Diterima** | | | | | | | **Markah Maksimum** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| (i)Pendahuluan | | | | | | | | | **2** |
| (ii) Fokus **(Kelebihan/manfaat/faedah/ kebaikan/kepentingan)** | | | | | | | | | |
| Bahan 1 (A) | 3 | 3 | 2 | 1 | 2 | 1 | 1 | | |
| Bahan 2 (B) | 2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 2 | 2 | | |
| (iii)Fokus 2 **(Kesan negatif/akibat/ keburukan/impak negatif/implikasi)** | | | | | | | | | |
| Bahan 1 (C) | 2 | 1 | 2 | 2 | 2 | 2 | 1 | | |
| Bahan 3 (D) | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | **16** |
| (iv)Fokus 3 **(Langkah/cara/usaha/ tindakan/kaedah)** | | | | | | | | | |
| Bahan 1 (E) | 2 | 1 | 1 | 2 | 1 | 1 | 2 | | |
| Bahan 3 (F) | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | |
| Jumlah isi | **11** | **8** | **8** | **8** | **8** | **8** | **8** | | |
| (v)Penutup/Kesimpulan | | | | | | | | | **2** |
| | | | | | | | | **Jumlah Markah** | **20** |

(b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

| PERINGKAT | MARKAH BAHASA | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Cemerlang** | **8 - 10 markah** | • Kesinambungan ayat *sangat* baik.<br>• Bahasa *sangat* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu.<br>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat<br>• Pengolahan *sangat* menarik dan berkesan. |
| **Baik** | **5 - 7 markah** | • Kesinambungan ayat baik.<br>• Bahasa *masih* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu.<br>• Penggunaan kosa kata *masih* luas dan tepat<br>• Pengolahan *masih* menarik dan berkesan. |
| **Sederhana** | **3 - 4 markah** | • Kesinambungan ayat *kurang* baik.<br>• Bahasa *kurang* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu.<br>• Penggunaan kosa kata *kurang* luas dan tepat<br>• Pengolahan *kurang* menarik dan berkesan |
| **Lemah** | **1 - 2 markah** | • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami. |

***NOTA:***

i. Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa adalah pada peringkat lemah.
ii. Jika markah isi **6 markah dan ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
iii. Jika markah isi **5 markah dan ke bawah** tetapi bahasa *sangat baik*, **markah maksimum bahasa** ialah **5 markah.**
iv. Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, beri **0** markah bahasa.
v. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Maksimum : 10 markah]**

| **Pendahuluan [2 markah]** | | **Markah** |
|---|---|---|
| **P1** | …membincangkan **kelebihan**/manfaat/faedah/kebaikan/kepentingan kecerdasan buatan, kesan negatif/akibat/**keburukan**/impak negatif/implikasi negatif kecerdasan buatan **dan langkah**/cara/usaha/ kaedah mengaplikasikan/menggunakan kecerdasan buatan. | **2** |
| **P2** | …membincangkan kelebihan/manfaat/faedah/kebaikan/kepentingan kecerdasan buatan dan kesan negatif/akibat/keburukan/impak negatif/implikasi negatif kecerdasan buatan | **1** |
| **P3** | …membincangkan kelebihan/manfaat/faedah/kebaikan/kepentingan kecerdasan buatan dan langkah/cara/usaha /kaedah mengaplikasikan/menggunakan kecerdasan buatan. | **1** |
| **P4** | …membincangkan kesan negatif/akibat/keburukan/impak negatif/implikasi negatif kecerdasan buatan dan langkah/cara/usaha/ kaedah mengaplikasikan/menggunakan kecerdasan buatan. | **1** |

**Isi [16 markah]**

Fokus 1: **Kelebihan/manfaat/faedah/kebaikan/kepentingan**

**Bahan 1**

| | | |
|---|---|---|
| **A1** | dapat meningkatkan kecekapan sesuatu proses | **2** |
| **A2** | mengoptimumkan kualiti kerja dalam pelbagai bidang | **2** |
| **A3** | meningkatkan produktiviti secara signifikan | **2** |

**Bahan 2**

| | | |
|---|---|---|
| **B1** | dapat mempelbagaikan kaedah pembelajaran | **2** |
| **B2** | memudahkan diagnosis pelbagai jenis penyakit | **2** |

Fokus 2: **Kesan negatif/akibat/keburukan/impak negatif/implikasi**

**Bahan 1**

| | | |
|---|---|---|
| **C1** | isu kehilangan pekerjaan akibat automasi | **2** |
| **C2** | boleh mengakibatkan kebocoran maklumat peribadi | **2** |

**Bahan 3**

| | | |
|---|---|---|
| **D1** | penyebaran maklumat palsu | **2** |

Fokus 3 : **Langkah/cara/usaha/ tindakan/kaedah**

**Bahan 1**

| | | |
|---|---|---|
| **E1** | syarikat dan institusi pendidikan harus mengaplikasi teknologi ini sejak awal | **2** |
| **E2** | pengawalseliaan dan etika dalam penggunaan kecerdasan buatan perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan | **2** |

**Bahan 3**

**F1** Kita perlu lebih berdisiplin ketika menggunakan kecerdasan buatan

**Penutup/Kesimpulan [2 markah]**

| | | |
|---|---|---|
| **K1** | Kesimpulannya, kecerdasan buatan mestilah dipraktikkan / diaplikasikan / digunakan agar negara bertambah maju. | **2** |
| **K2** | Kesimpulannya, kecerdasan buatan mestilah dipraktikkan / diaplikasikan / digunakan dalam kehidupan. | **1** |

**TAMAT**